

**SEMPENA MAJLIS PERSIDANGAN TRITAHUNAN KPPK/NUTP
15/09/2014**

AWANA HOTEL, GENTING HIGHLAND

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalam'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah kurnia dan izinNya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini sempena Persidangan Perwakilan Tritahunan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Ke-20.

2. Pertamanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK) kerana telah sudi untuk menjemput saya untuk hadir di majlis ini dan dapat bersama-sama dengan ahli-ahli KPPK dari seluruh negara.

3. Persidangan tritahunan ini tentunya amat signifikan kerana saudara dan saudari bukan sahaja berkesempatan untuk bersua dan mengeratkan silatul-rahim dengan rakan sejawat, malah persidangan ini juga dapat mencetuskan kebijaksanaan-kebijaksanaan baru (new wisdoms) yang relevan dengan peranan dan tanggungjawab sebagai pendidik yang sentiasa berdepan dengan cabaran.

4. Saya percaya, pertemuan kali ini akan dapat mewujudkan ruang perbincangan bagi ahli-ahli mengemukakan pelbagai pengalaman, cadangan dan masalah pendidikan selaras dengan tema persidangan iaitu 'Bersatu Ke Arah Pendidikan Berkualiti Abad Ke-21.'

Hadirin yang dihormati sekalian,

KESATUAN GURU SEBAGAI RAKAN STRATEGIK

5. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada KPPK kerana menjadi kesatuan sekerja terbesar di Malaysia dengan 180,000 ahli terdiri daripada kalangan guru. Komitmen dan kesungguhan KPPK untuk meneruskan hubungan strategik (Engagement) bersama dengan Kementerian bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara sesungguhnya amat dihargai.

6. Saya masih ingat lagi ketika hadir dalam perhimpunan khas guru Malaysia anjuran KPPK pada tahun 2012 dengan kehadiran yang ramai (5 ribu orang) menggambarkan betapa guru-guru amat bersemangat dan berkobar-kobar untuk menjayakan agenda

pendidikan negara terutama memastikan PPPM berjalan lancar.

7. Kesatuan guru yang kukuh akan menjadi aset kepada pembangunan pendidikan. Kesatuan guru perlu mempunyai bukan sahaja kekuatan kepimpinan tetapi juga kekuatan minda, inovasi dan persepakatan yang dinamik agar dapat membantu memperkukuhkan akauntabiliti sosial.

8. Sebagai Kesatuan sekerja yang mewakili warga guru, KPPK sudah tentu mempunyai tanggungjawab yang penting terutama dalam memajukan, memelihara dan memperbaiki kepentingan sosial dan kebajikan ahli-ahli secara kolektif.

9. Oleh yang demikian, Kesatuan guru hendaklah mewujudkan serta mengekalkan perhubungan perkhidmatan yang baik dengan majikan melalui perbincangan, perundingan. Selain itu, kesatuan juga hendaklah memberi panduan/bimbingan kepada ahli kesatuan berkaitan dengan profesionalisme keguruan, mengemukakan tuntutan yang berpatutan serta munasabah terhadap majikan serta sentiasa mengiktiraf hak mutlak majikan di bawah undang-undang.

10. Kerjasama serta hubungan yang erat antara pihak pengurusan dan kesatuan akan dapat meningkatkan kualiti dan profesionalisme keguruan. Perbincangan secara jujur antara kedua pihak yang terlibat akan menghasilkan satu situasi menang-menang (Win-Win situation). Perhubungan antara kedua tidak boleh lagi berdasarkan pada perlawanan, pertelingkahan dan pertikaian. Sebaliknya perhubungan antara kedua mestilah berteraskan pada rakan strategik.

CABARAN PENDIDIKAN BERKUALITI

11. Abad ke-21 ialah abad yang mencabar. Arus proses globalisasi dan ledakan teknologi maklumat yang melanda kehidupan dan pemikiran masyarakat turut mengubah perspektif dan ukuran nilai masyarakat kini.

12. Pada hari ini persepsi masyarakat tentang sesuatu nilai diberikan ukuran yang berbeza dengan ukuran masa lampau. Ini telah turut mengubah jangkaan dan tuntutan mereka. Apa yang dianggap berkualiti suatu masa dahulu sudah tidak lagi dianggap berkualiti pada hari ini. Perubahan nilai masyarakat ini menjadi gelombang yang akan melanda diri kita.

13. Proses globalisasi dan ledakan teknologi maklumat telah turut memberikan kesan ke atas sosio-budaya masyarakat terutama dalam aspek sikap, pemikiran, nilai dan tingkahlaku pelajar.

14. Keadaan dan fenomena ini menjadikan pendidik berdepan dengan tanggungjawab yang lebih berat dan mencabar, bukan sahaja dari segi penyediaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang kondusif tetapi juga pemantapan moral dan etika yang murni dalam kalangan murid.

15. Masyarakat dahulu menjadikan guru sebagai idola dan pakar rujuk dalam segala hal. Kalau dahulu guru terpaksa berhadapan dengan pihak penjajah secara terang-terangan, kini, kita menghadapi penjajah dalam bentuk yang lain pula iaitu lebih mencabar lagi kerana ia melibatkan jajahan pemikiran, budaya dan jati diri yang perlu dihadapi secara profesional dan kreatif.

16. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia amat menekankan kualiti dalam sistem pendidikan Malaysia yang merangkumi dua aspirasi:

- (1) Aspirasi terhadap sistem pendidikan dan
- (2) Aspirasi Murid. Kedua-dua aspirasi ini menjadi landasan transformasi sistem pendidikan Malaysia ke arah pendidikan yang berkualiti dan berprestasi tinggi.

Aspirasi Sistem

17. Untuk merealisasikan aspirasi terhadap sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan teras pendidikan bagi menentukan kejayaan sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan.

18. Sistem pendidikan berprestasi dan berkualiti tinggi menyediakan pendidikan kepada setiap kanak-kanak tanpa mengira kedudukan geografi, jantina atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian juga berhasrat untuk menjana suatu sistem pendidikan berkualiti yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Oleh itu, sekolah berperanan penting untuk mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan murid.

Aspirasi Murid

19. PPPM menggariskan enam ciri utama keberhasilan murid, iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global.

20. Ciri-ciri ini selari dengan matlamat pendidikan yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja memiliki

ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan kehidupannya, tetapi memiliki peribadi yang mulia dan berpegang teguh kepada nilai-nilai keagamaan yang dianutnya serta memiliki jasmani yang sihat.

21. Oleh yang demikian, warga pendidik hendaklah memastikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS) diberikan keutamaan dalam proses penyampaian ilmu dalam bilik darjah. Setiap murid hendaklah didedahkan kepada pengamalan budaya berfikir serta belajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan. Dengan itu, mereka akan menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

22. Sebagai guru yang mempunyai jatidiri dan semangat patriotik yang tinggi, sudah tentu sedar akan tanggungjawab untuk memastikan agar Identiti nasional juga diberi penekanan dalam proses penyampaian ilmu.

23. Identiti nasional yang kukuh terikat dengan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk kejayaan masa hadapan negara. Semangat patriotik dan sayang akan tanah air juga perlu dipupuk dalam kalangan murid untuk mewujudkan identiti nasional sebenar agar setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi.

PROFESIONALISME KEGURUAN

24. Peranan sekolah ialah menyediakan proses dan peluang-peluang persekolahan serta program-program pembelajaran yang berkualiti dan berkesan. Justeru itu, peningkatan kualiti pendidikan di sekolah bergantung kepada ketrampilan profesionalisme, nilai moral dan integriti yang tinggi dimiliki oleh guru-guru.

25. Guru harus sentiasa membuat refleksi mengenai kekuatan dan kelemahan diri, mengkaji perubahan-perubahan luar serta kehendak dan nilai masyarakat yang sentiasa berubah. Era globalisasi dan ledakan maklumat pada masa kini memerlukan guru menguasai lebih daripada satu bidang. Kemahiran dan ilmu yang diperolehi pada masa lalu mungkin kurang relevan atau harus ditambah dengan kemahiran terkini seperti penguasaan konsep dan aplikasi teknologi maklumat.

26. Untuk itu, guru harus mencabar keupayaan diri sendiri dan berusaha meningkatkan kompetensi bagi menghadapi perubahan persekitaran dan keupayaan murid-murid sendiri. Melalui peningkatan kompetensi guru dalam kemahiran, ilmu dan sikap akan membantu sekolah untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dan seterusnya akan menghasilkan sekolah yang berkesan.

27. Tugas guru menjadi semakin mencabar terutama dalam melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kreatif. Hal ini sudah pasti menuntut para guru mengengahkan pedagogi yang juga lebih kreatif dan inovatif.

28. Seajar dengan itu, adalah wajar guru melihat kembali amalan-amalan bilik darjah yang sesuai dan relevan dengan ciri-ciri dan situasi baru pelajar. Untuk mendepani cabaran dan tuntutan daripada perubahan-perubahan kurikulum, guru hendaklah berusaha melengkapkan diri dengan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

29. Perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan juga memerlukan guru untuk menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Pendekatan ini bukan sahaja perlu digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, tetapi jika perlu kaedah berfikir secara kritis dan kreatif boleh diaplikasikan dalam pentadbiran, mengurus ataupun dalam perancangan sesuatu program.

30. Saya yakin dan percaya KPPK akan terus memainkan peranan utama dalam majlis-majlis permuafakatan pendidikan sebagai saluran penyampaian idea, inovasi dan kebijaksanaan yang menguntungkan.

31. Kerjasama dan persefahaman yang telah terjalin antara KPM dan Kesatuan ini disarankan agar sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa. Sesungguhnya kementerian amat menyanjung tinggi akan usaha murni tuan/puan sekalian dalam membantu, membimbing dan menjadi pengantara yang berjaya antara ahli dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pegawai Pelajaran Daerah (PPD). Semoga ahli KPPK akan terus menjadi guru yang berwibawa dan contoh yang terbaik dalam mengharungi tugas-tugas sebagai pendidik yang berjaya dalam negara kita.

32. Saya sentiasa berdoa agar saudara dan saudari Guru-guru Malaysia sentiasa mempunyai semangat yang tinggi dan kental untuk meneruskan perjuangan memartabatkan pendidikan negara kita.

33. Semoga pertemuan dan perhimpunan ini membawa natijah yang bermakna dalam kita melaksanakan gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Persidangan Perwakilan Tritahunan KPPK kali ke-20.

Selamat Bersidang.

Sekian terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.l